

Jenis Akhbar : *Bernama Online*
Tarikh : 29/07/2017
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

Kaji Semula Akta Industri Pelancongan 1992 - Angkasa

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) memohon Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan supaya mengkaji semula Akta Industri Pelancongan (AIP) 1992, yang memerlukan koperasi menubuhkan anak syarikat untuk mendapatkan lesen pelancongan.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata Angkasa meminta supaya peraturan itu dikecualikan memandangkan koperasi itu sendiri adalah entiti perniagaan dan tidak perlu menubuhkan anak syarikat untuk membolehkannya terlibat dalam bidang pelancongan.

"Sekarang ini, kita kena tubuh anak syarikat sekiranya hendak terlibat dalam bidang pelancongan. Kesannya, kita terlepas banyak peluang perniagaan.

"Oleh itu, kami minta agar akta ini dipinda dengan memasukkan satu lagi perkataan koperasi atau mana-mana organisasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi memudahkan urusannya," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian sumbangan pendidikan utama kepada anggota Koperasi Jaya Murni Wanita Berhad di sini, hari ini.

Berdasarkan AIP, hanya syarikat dan pertubuhan atau yayasan yang masing-masing berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Pendaftar Pertubuhan (RoS), yang layak memohon lesen pelancongan.

Dalam perkembangan lain, Abdul Fattah berkata Angkasa menyasarkan penubuhan 16,000 koperasi menjelang 2020.

Pada masa ini, terdapat 13,428 koperasi sehingga Disember 2016 di seluruh negara.

"Angkasa menyarankan agar koperasi-koperasi nasional membuka keanggotaan secara agresif kepada rakyat Malaysia yang berminat menjadi anggota koperasi," katanya.

-- BERNAMA